# Majlis Hari Kualiti KUTKM 2005

20 Disember 2005 (Selasa)
Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka

***Khamizi Bin Khamis***
***Pembantu Am Rendah, Perpustakaan***



Khamizi yang berasa terharu dan bersyukur dengan penganugerahan ini, merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan pihak pengurusan Perpustakaan di atas kerjasama, tunjuk ajar serta kepercayaan yang diberikan kepada beliau selama ini. Beliau merasakan anugerah ini terlalu besar ertinya jika dibandingkan dengan tugas-tugas yang beliau lakukan.

Sejak memulakan tugas sebagai seorang Pembantu Am Rendah pada 03 Jun 2002, Khamizi berusaha sedaya upaya memberi khidmat bakti serta kepuasan kepada semua individu, khususnya kakitangan Perpustakaan. Bagi beliau, setiap tugasan dan tanggungjawab yang diberikan perlu dilaksanakan walaupun ada kalanya tugasan tersebut menuntut kepada pengorbanan masa dan tenaga.

Justeru, dalam menjalankan tugasan harian, beliau tetap memegang kepada prinsip bahawa setiap kerja mahupun arahan adalah merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan bersandarkan kejujuran serta keikhlasan.

***Zulkarnaen Bin Mahat***
***Pembantu Perpustakaan, Perpustakaan***



Zulkarnaen amat bersyukur dengan penganugerahan Khidmat Cemerlang Tahun 2004 ini dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perpustakaan serta pihak pengurusan Universiti di atas pengiktirafan yang diberikan kepada beliau. Anugerah ini sebenarnya bukanlah miliknya seorang tetapi harus dikongsi bersama dengan staf Unit Sirkulasi yang turut sama menyumbang ke arah penganugerahan ini.

Beliau mula berkhidmat di KUTKM pada 6 Jun 2001 sebagai Pembantu Perpustakaan di Unit Perolehan dan kemudiannya dipindahkan ke Unit Sirkulasi. Sepanjang berkhidmat di unit ini, kesabaran Zulkarnaen kadang kala tercabar dengan karenah pelanggan, bagaimanapun beliau tetap berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan selaras dengan Piagam Pelanggan Perpustakaan.

Selain menjalankan tugas-tugas hakiki, beliau juga bergiat aktif dengan kegiatan luar khususnya dalam bidang sukan. Beliau mewakili jabatan dalam Sukan Antara Jabatan KUTKM dan turut terpilih mewakili Universiti ini ke Sukan Intervarsiti dan Sukan Melaka.

Dengan kepercayaan yang diberikan ini, Zulkarnaen berazam akan lebih gigih berusaha mencapai matlamat jabatan dan membantu mencapai misi dan visi universiti.

Anugerah Khidmat Cemerlang 2004

***Muhammed Rashid Bin Mat Derus***
***Pembantu Perpustakaan, Perpustakaan***



Muhammed Rashid bersyukur kerana dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang 2004 dan ini telah membolehkannya bekerja dengan gigih sehingga beliau dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2004.

Disiplin diri, keprihatinan dan kefahaman yang tinggi terhadap setiap tugasan adalah pegangan beliau sebagai staf di Unit Rujukan. Beliau kerap berurusan dengan pengguna serta membimbing mereka mendapatkan maklumat yang diperlukan. Beliau juga memikul tanggungjawab dalam penyediaan maklumat untuk pengkalan data dalaman pada laman web Perpustakaan.

Dalam bidang sukan, Muhammed Rashid sering mewakili Universiti dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti pada 2004.

Muhammed Rashid berasakan peluang untuk menyumbangkan tenaga dalam menjayakan aktiviti Universiti seperti Minggu Haluan Siswa dan Majlis Sambutan Hari Raya telah membantu beliau meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan meluaskan hubungan beliau dengan pihak lain.